

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**


**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 5 TAHUN 2024**

**PERMOHONAN MILIK TANAH BAGI KAWASAN SUNGAI, ALUR DAN  
RIZAB SUNGAI**

---

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berkenaan keputusan Mesyuarat Majlis Sumber Air Negeri Kelantan Bilangan 01 Tahun 2024 yang diadakan pada 09hb Oktober 2024 di mana mesyuarat telah bersetuju agar kertas-kertas kerja permohonan milik tanah yang diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah mengambil kira sungai, alur dan rizab sungai. Mesyuarat juga bersetuju agar mana-mana kawasan sungai, alur dan rizab sungai tidak dibenarkan untuk diberi milik kepada mana-mana individu atau entiti kerajaan.

2. Pentadbir-Pentadbir Tanah diminta mengambil maklum akan keputusan di atas dan hendaklah diselaraskan pemakaiannya dengan Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 1/2015.

  
.....  
**DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, S.P.S.K. , P.M.K (Kelantan)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN.**

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha  
Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YBM. Tengku Kaya Perkasa Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.32/69 JLD.5 (10)  
BERTARIKH : 22 Disember 2024 / 20 Jamadil Akhir 1446H.